

30/11/1997

PM nafi minta bantuan Taiwan

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menolak laporan bahawa Malaysia meminta AS\$8.8 bilion daripada Taiwan sebagai pertukaran bagi minyak mentah dari negara ini.

Bercakap kepada pemberita sekembalinya dari Jepun selepas menghadiri sidang kemuncak forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik di Kanada, Perdana Menteri berkata ia hanyalah khabar angin.

Beliau ditanya mengenai laporan agensi berita asing semalam yang memetik penafian keras satu sumber kerajaan di Taipei terhadap laporan akhbar Taiwan bahawa Dr Mahathir meminta mengadakan pertukaran seumpama itu.

Ia juga melaporkan bahawa Agensi Berita Pusat Taiwan memetik jurucakap kerajaan, David Lee, sebagai menafikan laporan itu.

Dr Mahathir secara berjenaka mengatakan kepada pemberita, Malaysia sudah "meminta sebanyak AS\$100 bilion tetapi ditolak."

"Bolehlah mulakan satu lagi khabar angin yang kita meminta AS\$100 bilion, kalau boleh AS\$200 (bilion)," katanya disambut ketawa mereka yang hadir, termasuk Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, menyambut beliau di lapangan terbang.

Perdana Menteri juga menjelaskan, beliau tidak merancang untuk singgah di Taiwan dalam perjalanannya ke Tokyo dari Kanada. Tiada jemputan daripada Menteri Luar Taiwan baginya membuat lawatan ke Taiwan.

Menurutnya, beliau singgah sebentar di Taipei apabila kebenaran bagi pesawatnya untuk mendarat di Tokyo diterima lambat dan mengambil peluang itu bertemu Perdana Menteri, Vincent Siew.

(END)